

KUALA SUNGAI MERAH 2

3 Mei 2008, New Sabah Times, ms. 8

Oleh Jakaria Dasan

Long Pa'Sia dalam bahasa Lundayehnya bermaksud Kuala (Long) Sungai (Pa) Merah (Sia). Di kampung ini terdapat sebatang sungai yang menjadi pertemuan beberapa batang sungai. Airnya sejuk di waktu siang dan sedikit kemerahan warnanya. Rimbunan hutan menghijau dari pelbagai jenis pokok dan bunga menjadikan flora dan fauna cukup menawan mereka yang pertamakali bertandang ke sini. Hutannya turut dihuni oleh pelbagai spesies haiwan yang bebas hidup buat sekian lamanya. Penduduk kampung hidup dalam suasana kekeluargaan yang rapat dan harmoni. Setiap aktiviti dilakukan secara bersama dan muafakat. Takdirnya mereka dari beberapa keluarga yang sama yang telah lama mendiami perkampungan ini. Setelah bertahun berhubung dengan dunia luar melalui anak sungai dan kapal terbang kecil dan ringan suatu masa dahulu, jalan lori balak kini telah boleh digunakan oleh mereka untuk berhubung dengan dunia luar. Walaubagaimana pun keprihatinan kerajaan terus dituntut agar jalan yang ada dapat digunakan tanpa mereka perlu mendongak ke langit melihat jika mendung itu akan berubah menjadi hujan lebat yang merosakkan permukaan satu-satunya jalan keluar dan masuk ke Kuala Sungai Merah.

Hujan yang turun dengan lebat telah menyebabkan laluan jalan masuk ke Long Pa'Sia tidak dapat ditembusi dengan mudah. 13 km sebelum sampai ke Kampung Long Pa'Sia jalan tanah merah yang kerap menjadi laluan lori balak telah menjadi laluan berselut dan berlumpur yang begitu sukar untuk dilalui. Kenderaan pacuan empat roda sekali pun belum tentu dapat melepasi. Difahamkan beberapa

kenderaan dari luar yang cuba untuk ke Long Pa'Sia sebelum itu terpaksa berpatah balik. Dalam keadaan sedemikian, terputus hubungan dan bekalan dari luar, penduduk Long Pa'Sia masih selesa bersandarkan kepada hasil pertanian dan ternakan mereka sahaja untuk meneruskan kehidupan. Mereka telah biasa dengan keadaan hidup sedemikian. Terpisah dengan dunia luar buat sekian lamanya telah mematangkan mereka mendepani cabaran yang seumpama itu. Malah laluan yang mencabar seperti itu tidak sedikit pun menghalang mereka untuk ke Pekan Sipitang mendapatkan keperluan dapur dan yang berkaitan. Menaiki kenderaan pacuan empat roda milik beberapa orang penduduk kampung itu, mereka sudah biasa "menari" dalam laluan berlumpur seperti itu. Sehubungan itu apabila rombongan Naib Canselor UMS meneruskan perjalanan dan berjaya sampai ke Long Pa'Sia dengan selamat pada 26 April 2008, iaitu sehari selepas hujan turun dengan lebatnya, penduduk kampung berasa terharu dan sukacita. Ini digambarkan oleh En Mudin Sia, Ketua Kampung Long Pa'Sia dalam ucapannya di Majlis Perasmian Stesen Penyelidikan UMS.

Sebelum ini iaitu pada 11 Disember 2006, rombongan Naib Canselor UMS telah datang ke kampung ini untuk menandatangani satu Memorandum Persefahaman bagi merealisasikan hasrat UMS mendekatkan Long Pa'Sia dengan dunia, iaitu menubuhkan sebuah pusat penyelidikan yang kelak akan menjadi pusat penyelidikan tersohor di dunia. Hari ini, 26 April 2008, iaitu setelah segala perincian dan aspek berkaitan telah dikaji dengan teliti maka Stesen Penyelidikan UMS Long Pa'Sia sudah pun bertapak di sebuah bangunan rumah pejabat di Long Pa'Sia. Penghargaan terima kasih tidak terhingga kepada En. Andrew Laban,

Pengerusi JKKK Long Pa'Sia yang telah secara peribadi membantu merealisasikan usaha mewujudkan stesen tersebut.

Stesen Penyelidikan UMS Long Pa'Sia ditubuhkan dengan tujuan untuk menyediakan sebuah makmal in-situ untuk para penyelidik dan pelajar UMS menjalankan pelbagai kajian berkaitan dengan kawasan Long Pa'Sia dan kawasan pedalaman berhampiran. Stesen ini juga menyediakan bilik penginapan yang selesa dan membolehkan para penyelidik dan para pelajar beristirahat sambil menumpukan fokus dalam penyelidikan mereka. Para pelajar prasiswazah juga dapat menjalankan latihan klinikal, latihan praktikum dan melengkapkan pengajian ilmiah dalam melengkapkan proses menjadi graduan yang sempurna. Stesen ini juga akan menjadi daya tarikan untuk warga UMS terus berkunjung ke Long Pa'Sia dan kawasan pedalaman sekitar sekaligus menyemarakkan promosi pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat di pedalaman.

Antara bidang penyelidikan yang telah dijalankan oleh para penyelidik di Long Pa'Sia ialah Komuniti di Persempadanan (Sekolah Sains Sosial), Tumbuhan Orkid, Serangga dan Kajian Kepelbagaian Flora (Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan). Manakala bidang penyelidikan yang berpotensi termasuklah kajian mengenai warisan, sejarah, geografi, kemanusiaan, etnografi, bahasa, sosio-ekonomi, pendidikan, kesihatan, flora dan fauna, keselamatan, alam sekitar dan sebagainya. Selain itu, UMS juga terlibat menjalankan pelbagai program khidmat komuniti di Kg. Long Pa' Sia dan Kg Long Mio seperti membekalkan benih ikan air tawar melalui kerjasama UMS dengan Jabatan Perikanan Sabah, dan Projek

Klinikal oleh Sekolah Perubatan. Dengan kewujudan Stesen Penyelidikan UMS, program pendidikan, menaiktaraf bekalan air, peningkatan tenaga solar dan sebagainya akan dapat dipertingkatkan lagi.

Dr Ismail Ali, Timbalan Pengarah Pusat Kurikulum dan Pemajuan Pelajar UMS, yang juga penggerak usaha murni UMS ini, menyatakan bahawa UMS juga prihatin dengan keadaan hujan lebat yang telah menyebabkan jalan perhubungan sukar untuk dilalui oleh para penduduk Long Pa'Sia. Bantuan makanan berupa barangan keperluan dapur seperti gula, garam, milo, minyak masak, dan nescafe telah disumbangkan kepada para penduduk kampung dalam Majlis tersebut. "Sedikit yang dapat disumbangkan, amat besar maknanya kepada penduduk kampung. Apatah lagi menyedari bahawa UMS bukanlah sebuah organisasi kebajikan. Semoga stesen penyelidikan ini akan menjadi satu ikatan persaudaraan yang kukuh antara kami penduduk-penduduk Long Pa'Sia dengan UMS." "Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas jasa UMS kepada kami di Long Pa'Sia" Ucap balas En Mudin Sia, Ketua Kampung Long Pa'Sia.

Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UMS, dalam ucapan perasmianya menjelaskan bahawa Stesen Penyelidikan UMS bukan setakat beroperasi sebagai sebuah pusat penyelidikan yang menekankan aspek akademik semata-mata. Malah Stesen Penyelidikan ini juga adalah berperanan sebagai lambang kepada keprihatinan kerajaan membawa pembangunan sehingga ke ceruk pedalaman mana sekalipun.. UMS sebagai satu-satunya Universiti awam yang berpusat di Sabah merasakan bahawa peranannya tidak terhad sebagai sebuah

institusi pengajian tinggi yang hanya menanti kehadiran pelajar dari bandar dan desa, dari dalam dan luar Negara, pada saban tahun sahaja. Malah obligasi sosial perlu di gerakkan secara menyeluruh, termasuklah menjadi salah satu wadah kerajaan memangkin dan menggerak usaha-usaha yang dapat membangun kehidupan masyarakat. Pada masa yang sama, UMS juga mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan sistem biodiversiti dan ekologi kekal terpelihara. Dan sesungguhnya di kawasan-kawasan pedalaman seperti di Long Pa'Sia inilah kepentingan usaha sedemikian dapat dijelaskan kepada masyarakat dunia.

Turut sama dalam rombongan Naib Canselor UMS ini ialah Prof Dr Rosnah Ismail, Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UMS. Beliau menceritakan pengalaman beliau ke Long Pasia beberapa tahun dahulu yang terpaksa melalui laluan yang lebih sukar daripada hari ini. Pada masa ini, seseorang itu boleh sampai ke Long Pa'Sia dalam masa tiga hingga ke empat jam sahaja dengan menaiki kereta pacuan empat roda pada waktu cuaca cerah. Dahulu beliau mengambil masa sehingga lapan jam untuk sampai ke perkampungan ini kerana terlibat dalam satu program penyelidikan. Beliau melihat kewujudan Stesen Penyelidikan UMS Long Pa'Sia sebagai tepat pada masanya dengan usaha kerajaan untuk menggerakkan penyelidikan dan inovasi. Apatah lagi Menteri Sains dan Inovasi adalah YB Datuk Dr Maximus Johnity Ongkili, seorang Ahli Parlimen dari Sabah. Pasti negeri Sabah akan bertindak sebagai salah satu penggerak kepada usaha-usaha penyelidikan dan inovasi. Stesen Penyelidikan UMS di Long Pa'Sia mampu menjana sesuatu yang akan

menyumbang kepada pembangunan penyelidikan dan inovasi.

Prof Dr Rizwan Abdul Rahman, Dekan Sekolah Pertanian Lestari yang turut bersama dalam rombongan ini juga melihat Long Pa'Sia sebagai sebuah pusat pertanian yang berpotensi. Dengan kawasan hutan yang tidak tercemar dan terpelihara, ianya akan membantu memastikan kesuburan tanaman sekaligus meningkatkan nilai tambah produk. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin agar kajian berkaitan 'cash crops' dapat dilaksanakan maka beliau (Rizwan) akan menghantar penyelidik-penyelidik beliau untuk mengkajinya dengan lebih mendalam. Hasil tanaman banyak dihasilkan cuma masalahnya ialah bagaimana kualiti dan pemasaran hasil pertanian ini dapat ditingkatkan agar ianya mendatangkan pulangan yang lumayan kepada para penduduk yang rata-rata berkecimpung dalam bidang pertanian.

Dr. Zainal Ariffin Abidin, Timbalan Dekan Sekolah Perubatan berkata bahawa Sekolah Perubatan telah pun memulakan usaha membawa pelajar-pelajar perubatan melakukan khidmat komuniti ke Long Pa'Sia sebelum ini dan usaha itu akan terus diadakan dari semasa ke semasa. Tujuannya ialah untuk membangkitkan kesedaran di kalangan pelajar-pelajar perubatan bahawa profesyen kedokteran bukan setakat memberi bantuan perubatan semata-mata malah turut menekankan aspek mengenali kehidupan masyarakat hingga ke kawasan pedalaman. Prof Dr Zulkifli Mohamed, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, yang turut sama dalam ekspedisi ke Long Pa'Sia sebelum ini, percaya bahawa Stesen Penyelidikan UMS Long Pa'Sia ini akan menjadi inspirasi kepada anak-anak di

kawasan Long Pa'Sia dan sekitarnya untuk menanamkan azam berjaya dalam persekolahan mereka sehingga sampai ke menara gading (universiti). Dr. Asmady Idris, Dekan Sekolah Sains Sosial, percaya bahawa kedudukan Long Pa'Sia yang menjadi sempadan kepada Sarawak dan Kalimantan boleh menghasilkan satu kajian sejarah dan geografi yang akan mampu merapatkan lagi hubungan antarabangsa khususnya hubungan sebuah negeri (Sabah) dan sebuah Negara (Kalimantan, Indonesia). Selain itu, Stesen Penyelidikan ini juga akan memperkembangkan lagi bahasa tempatan masyarakat sehingga mampu menjadi salah satu bahasa komunikasi yang suatu hari akan diajar di universiti-universiti luar Negara jua.

Lawatan singkat ke Long Pa'Sia sekadar menjadi salah satu daripada lawatan kerap yang akan diteruskan oleh UMS pada masa hadapan. Biar pun kereta pacuan empat roda yang dinaiki beberapa kali terkubur dan sedikit terbabas dalam laluan berselut dan berlumpur, ahli-ahli rombongan dapat merasakan satu kepuasan bila dapat bertemu dengan para penduduk kampung Long Pa'Sia. Sepertimana dikatakan oleh seorang penduduk kampung, Pengiran 58 tahun, bahawa sejak rombongan Prof Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UMS, datang kali pertama dahulu (Disember 2006), membawa visi UMS sebagai Universiti Rakyat, beliau dan para penduduk sentiasa menanti kehadiran kali kedua beliau (Naib Canselor) ke Long Pa'Sia. Beliau dan masyarakat kampung berasa amat bangga kerana Stesen Penyelidikan ini menyebabkan mereka merasa suatu hubungan langsung yang amat rapat dengan sebuah universiti yang begitu jauh kedudukannya di Kota Kinabalu. Kata-kata beliau, "**UMS pun ada di Long Pasia,**" sebenarnya jika

diteliti dengan mendalam akan membawa seribu makna yang tersirat yang akan memberi harapan kepada generasi beliau yang akan datang.

Air sungai di Kuala Sungai Merah masih mengalir deras. Tidak ada tanda-tanda bahawa air ini akan terhenti di kampung itu sahaja. Kabut warna air pun tidak mungkin kelihatan kerana warna air yang sentiasa merah warnanya. Anak-anak kecil di Kuala Sungai Merah riang bermandi manda sambil bangga melihat Stesen Penyelidikan UMS yang tersergam indah dikawasan yang agak tinggi di kampung sungai merah itu. Mereka meyakini bahawa nasib mereka kini lebih baik dari generasi ayah dan ibu malah abang dan kakak mereka. Menara gading sudah terpampang di depan mata. Tidak perlu lagi ke kota (Kota Kinabalu) untuk mendapatkan maklumat mengenai universiti. Di halaman Kuala Sungai Merah sudah ada pusat penerangan untuk mereka mencongak dan merancang strategi hari muka.